

**Praktis 3**

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kami sangat sedih mendengar cerita dalam keadaan hidup Mak Salmah yang sebatang kara sejak kematian ibu dan bapanya.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (ii) Perjanjian damai di antara kedua-dua belah pihak telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (iii) Senarai nama murid yang akan menyertai lawatan sambil belajar pada Pulau Pinang sudah dikeluarkan.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (iv) Kotak yang besar itu tidak terangkat kepada ayah.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (v) Encik Suhaimi telah bersetuju tentang menyumbangkan beberapa kotak air mineral.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_

**Praktis 4**

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kamilia mendapat sepucuk surat dari sahabatnya yang berada di Australia.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (ii) Sekumpulan murid sedang berbincang untuk tugas yang diberikan oleh guru kelas mereka.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (iii) Iklan jawatan kosong itu telah ditampal kepada papan kenyataan di sebuah pusat beli-belah.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (iv) Pengetua berpesan pada murid-murid agar sentiasa menjaga disiplin semasa berada di dalam atau luar kawasan sekolah.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (v) Dia yang fasih bertutur dengan bahasa Korea telah diterima bekerja di syarikat gergasi Korea itu.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_
- (vi) Bangunan pencakar langit yang terletak dalam tengah-tengah bandar raya itu hasil rekaan seorang arkitek terkemuka.  
salah: \_\_\_\_\_ betul: \_\_\_\_\_